

Empat sekeluarga mati ditembak

SINAR HARIAN - 14/7/16 (m/s 4)

BAYAN LEPAS - Empat sekeluarga mati ditembak di sebuah kilang pemrosesan ayam di kawasan perindustrian Batu Maung di sini, awal pagi semalam.

Mereka ialah Tan Hock Choon, 50, dan pasangannya Tan Saw Sim, 55; Chung Wah Tong, berumur dalam lingkungan 27 ke 30 tahun yang merupakan anak lelaki Saw Sim serta anak lelaki Wah Tong, berumur dua tahun yang hanya dikenali sebagai Ah Bee.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Pulau Pinang, Datuk Razaruddin Hussain berkata, kejadian pada jam 2.55 pagi itu dipercayai bermotifkan wang.

"Kesemua mangsa ditembak menggunakan pistol semi automatik yang dipercayai



Anggota polis forensik keluar dari premis kilang pemrosesan ayam di Batu Maung selepas membuat pemeriksaan di tempat empat sekeluarga termasuk pemilik kilang maut ditembak.

diperoleh secara haram dan polis menemui beberapa keongsong peluru di tempat ke-

jadian," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata, berdasar-

kan siasatan awal, polis percaya kejadian itu dilakukan oleh anggota keluarga terdekat yang

“ Kesemua mangsa ditembak menggunakan pistol semi automatik yang dipercayai diperoleh secara haram.” - Razaruddin

kemudian melarikan diri dengan sebuah kenderaan jenis Toyota Hilux milik kilang itu.

Sehubungan itu, polis kini memburu seorang lelaki berusia dalam lingkungan 30-an yang menaiki Toyota Hilux dengan nombor pendaftaran PLJ 7392 bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Razaruddin berkata, Hock Choon dan Saw Sim didapati tidak berkahwin secara sah tetapi telah lama tinggal bersama.

"Polis percaya keluarga si-

mati mempunyai sedikit masalah dengan suspek dan sering kali bergaduh," katanya.

Seorang pekerja kilang yang hanya mahu dikenali sebagai Chen berkata, lelaki terbabit sering datang ke kilang meminta wang daripada Hock Choon dan Saw Sim yang mengusahakan kilang itu.

Lim Chee Leong, 53, yang tinggal berhampiran kilang itu berkata, dia tersedar awal pagi tadi apabila terdengar bunyi tembakan.

Pada mulanya dia menyangka kejadian rompakan.

"Saya hanya tahu ia kes pembunuhan apabila polis dan orang ramai mula berkumpul di kawasan itu," katanya.

Keempat-empat mayat dihantar ke Hospital Pulau Pinang untuk bedah siasat.

- Bernama